

GAMBARAN EMOSI BELIA EKSTROVERT DAN INTROVERT DALAM SESEBUAH ORGANISASI

NOOR AINA DANI

ABSTRAK

Statik atau meningkatnya produktiviti sesebuah organisasi sebahagiannya bergantung pada emosi yang diwakili oleh belia ekstrovert atau introvert. Gambaran emosi daripada belia ekstrovert ialah peramah dan berminat terhadap hal yang berlaku di sekitarnya. Sebaliknya, belia yang introvert bersifat pendiam dan lebih suka memusatkan perhatiannya pada fikiran dan perasaan sendiri. Berlandaskan perbandingan fakta, penulis menjalankan satu kajian tinjauan terhadap staf golongan belia yang bekerja di bawah satu organisasi. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada staf golongan belia dalam organisasi tersebut lebih ramai ekstrovert atau introvert, serta yang mana lebih bertanggungjawab menjalankan tugas yang diamanahkan oleh ketua kepadanya. Analisis terhadap data kajian menunjukkan lebih ramai staf belia yang ekstrovert berbanding introvert. Belia ekstrovert bertanggungjawab tinggi. Dengan kata lain, setiap tugas yang diberi cuba dilaksanakan dengan baik. Walau bagaimanapun, kadang-kadang staf jenis ini ragu-ragu untuk menerima tugas sosial yang sama sekali merugikan mereka sama ada secara material atau moral. Pasangan introvert dan ekstrovert hidup lebih bahagia daripada yang mempunyai personaliti yang sama. Walaupun terdapat masalah-masalah kecil yang tidak dapat dielakkan dalam hubungan ini, dengan mengetahui perbezaan antara introvert dan ekstrovert boleh membantu untuk membina hubungan yang lancar.

Kata Kunci: Belia, Emosi, Personaliti, Ekstrovert, Introvert

ABSTRACT

Static or increased in productivity of an organization depends on the emotional part represent by the extrovert or introvert youths. The extroverts normally reflect the emotions of being friendly and interested in all things around them. Introvert youths are the quiet type and prefer to focus their attention to their own thoughts and feelings. Based on facts comparison, the author conducted a survey of youth staffs who work under one organization. This study aimed to find out whether the youth staffs in the organization are more inclined to the extrovert or introvert types, and which are more responsible in carrying out the tasks entrusted by their superiors. Data analysis of this survey shows that more youth staffs are extrovert than the introvert type. The extrovert youths display a high responsibility. In

other words, they try to perform well in each task assigned to them. However, sometimes this type of staff's hesitates to accept social function tasks which make them completely at loss either materially or morally. Introvert and an extrovert are more likely to make happy couples than two people with the same trait. Though minor problems are inevitable in this relationship, knowing the difference between introvert and extrovert can be helpful in making a smooth sail.

Keywords: Youth, Emotion, Personality, Extrovert, Introvert

PENGENALAN

Kebanyakan penyelidik perspektif kognitif mendapati bahawa emosi bukan sekadar perkara fisiologi seperti suka, gembira, sedih, dan marah. Lebih daripada itu, emosi turut melibatkan proses mental yang berlaku dalam fikiran seseorang. Pada tahun 1960-an, Schachter dan Singer (1962) melaporkan bahawa emosi terjadi atas dua faktor, iaitu kebangkitan hormon dan tafsiran kognitif daripada kebangkitan hormon. Kebangkitan hormon menyebabkan badan manusia mengalami perubahan, misalnya badan menggeletar. Sekiranya individu tidak dapat mentafsir tanda perubahan itu, individu dikatakan tidak merasai satu ‘emosi’. Namun, eksperimen-eksperimen yang pernah dijalankan oleh kedua-dua pengkaji tersebut tidak dapat direplika dengan jaya, dan pada masa kini, telah diketahui umum bahawa emosi manusia adalah lebih daripada sekadar fisiologi kebangkitan hormon.

Menurut Levenson (1992), emosi ada kaitan dengan pola aktiviti otak manusia yang berlainan dan sistem saraf yang berfungsi secara serta-merta. Terdapat juga emosi yang tidak terikat dengan proses kognitif yang berlaku secara sedar. Sebagai contoh, sewaktu-waktu, manusia ada perasaan takut atau tenang melihat sesuatu objek tetapi tidak mengetahui sebab terjadi perasaan sebegini (Izard, 1994). Perubahan fizikal daripada sistem saraf yang berfungsi secara serta-merta sedemikian tidak dapat menerangkan kebanyakan emosi yang melanda diri manusia. Mengapakah emosi dua pelajar yang menduduki satu peperiksaan yang sama berbeza-beza? Seorang merasa bersemangat manakala seorang lagi resah gelisah. Schacter & Singer (1962) pernah menjalankan kajian untuk mengenal pasti proses kognitif yang dialami manusia sewaktu manusia penuh beremosi. Mereka beranggapan bahawa kejayaan menimbulkan kegembiraan sementara kegagalan menyebabkan kesedihan. Akan tetapi, kajian Weiner (1986) menunjukkan bahawa emosi manusia bergantung pada cara mereka menerangkan sesuatu kejayaan atau kegagalan yang pernah mereka alami. Dalam kajian Weiner (1986), subjek kajian melaporkan bahawa setiap kejayaan dan kegagalan yang pernah dialami adalah bersebab, seperti mendapat bantuan atau kurang berusaha. Subjek kajian juga menerangkan keadaan sewaktu mengalami emosi sedih

atau gembira. Individu yang percaya kejayaannya adalah hasil daripada usaha sendiri jelas merasa bangga, kompeten, dan berpuas hati. Individu yang percaya kejayaannya disebabkan oleh nasib yang baik atau peluang kebetulan merasa bersyukur, terkejut, atau rasa bersalah. Ekoran daripadanya, terluahlah ayat “Saya sebenarnya tidak layak”. Individu yang percaya bahawa kegalangannya adalah disebabkan oleh kesalahan diri sendiri kelihatan menyesal, rasa bersalah atau memenculkan diri. Individu yang menyalahkan orang lain kerana kegagalan diri sendiri kelihatan marah dan ada juga yang bersifat dingin.

Pemikiran yang melibatkan emosi terhasil daripada biasan persepsi manusia terhadap sesuatu peristiwa yang bersangkut-paut dengan falsafah hidupnya. Jika individu percaya pasti boleh menang kerana telah berusaha bersungguh-sungguh ke arah mencapai sesuatu kemenangan, individu tersebut mungkin merasa kecewa jika mendapat tempat yang kedua ‘sahaja’. Jika individu fikir rakannya sengaja menegur kesalahannya, individu tersebut bertindak balas dengan menunjukkan rasa marah, bukannya rasa bersyukur. Terdapat segelintir individu yang sedang mengalami tekanan emosi sengaja menaiki peluncur beroda supaya dapat menjerit dengan sekuat-kuat hati untuk melepaskan perasaan geram atau marah. Ada pula mencari ketenangan dengan beribadat seperti mengikuti falsafah Zen, yang mengatakan hidup yang unggul perlukan pengawalan perasaan. Semua misalan tersebut menunjukkan bahawa emosi tidak boleh dipisahkan daripada tafsiran kognisi manusia. Contoh selanjutnya ialah psikoterapi kognitif dengan matlamat untuk menggantikan kepercayaan salah atau pemikiran yang melampau dengan yang lebih positif, di samping membantu klien belajar mencari situasi yang sejajar dengan cara klien berfikir. Bagi psikoterapi kognitif, luahan emosi semata-mata tidak dapat melenyapkan perasaan yang negatif sekiranya pemikiran yang negatif di sebalik emosi itu masih tidak dapat disingkirkan.

Satu kajian melaporkan bahawa manusia yang gemar bergaul atau yang menunjukkan ketegasan boleh membaiki pandangan hidupnya. Dapat dilihat Fleeson et al., (2002) ini diperolehi daripada seramai 150 pelajar dalam tiga kajian yang saling melengkap. Dalam kajian yang pertama, seramai 46 pelajar diminta membuat catatan dalam diari masing-masing selama dua minggu. Kumpulan pelajar ini melaporkan mereka lebih ceria dan positif bila mereka banyak bergaul. Bila mereka berperangai pemalu dan tertutup, mereka merasa murung dan negatif. Kajian yang kedua dilakukan untuk melihat kesan jangka panjang sewaktu pelajar berperangai seperti ekstrovert. Sekali lagi, kajian selama 10 minggu tersebut mendedahkan bahawa seramai 57 pelajar yang mengambil bahagian lebih ceria sewaktu mereka berperangai ekstrovert. Dalam kajian yang akhir, seramai 47 pelajar diminta berperangai sama ada seperti seorang ekstrovert atau introvert semasa sesi perbincangan berkumpulan. Peserta yang lebih bertenaga dan menuniiukkan ketecasan herasa lebih seronok dan gembira sementara yang

pasif dan pemalu tidak menyenangi situasi perbincangan berkumpulan. Fleeson et al., (2002) berpendapat personaliti boleh mempengaruhi keceriaan dan kawalan diri seseorang. Dengan mengubah tingkah laku sendiri ke arah yang lebih positif, individu dapat meningkatkan potensi dan kesejahteraan diri sendiri.

OBJEKTIF KAJIAN

Penulis menetapkan objektif kajian yang berikut:

1. Untuk mengetahui sama ada belia dalam organisasi yang dikaji lebih ramai yang ekstrovert atau introvert.
2. Untuk mengenal pasti personaliti belia yang lebih bertanggungjawab menjalankan tugas yang diamanahkan oleh ketua kepadanya.

DEFINISI OPERASIONAL

Gambaran Emosi

Penulis menggunakan dua gambaran emosi yang berlainan. Gambaran emosi yang pertama ialah belia yang senang bergaul, tidak merasa kaku untuk berbicara di hadapan khalayak dan yakin pada diri sendiri. Gambaran emosi yang kedua ialah belia yang lebih suka menyendiri, tidak suka berbicara di hadapan khalayak, pemalu, dan pendiam.

Personaliti Belia

Penulis mengemukakan dua personaliti yang bertentangan, sama ada belia yang memiliki kecenderungan ekstrovert atau introvert.

Dalam sebuah Organisasi

Sebuah organisasi kecil kerajaan tempatan yang berorentasikan pendidikan.

SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian terdiri daripada staf yang masih belia dalam sebuah organisasi kerajaan tempatan yang berorentasikan pendidikan. Penulis memanipulasikan keseluruhan populasi tetapi tidak termasuk staf kontrak.

KAEDAH KAJIAN

Penulis menggunakan kaedah tinjauan dengan instrumen soal selidik jenis soalan tertutup, pilihan jawapan negatif atau positif. Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian, A dan B. Soal selidik ini dipetik daripada H. Yul Iskandar (1999), edisi ke-4, cetakan ke-20.

Bahagian A: Ekstrovert/Introvert

Bahagian ini mengandungi 24 item. Sampel dikehendaki menanda simbol + atau - dalam ruangan jawapan, bergantung pada pilihan kandungan item. Setelah menjawab 24 item, jawapan disesuaikan dengan kunci yang berikut:

- (+)1. (+)2. (+)3. (+)4. (-)5. (-)6.
(+)7. (+)8. (+)9. (-)10. (-)11. (+)12.
(-)13. (+)14. (+)15. (-)16. (+)17. (+)18.
(-)19. (-)20. (+)21. (+)22. (+)23. (+)24.

Nilai 1 diberi untuk jawapan yang betul, dan nilai 0 untuk jawapan yang tidak betul. Kategori dan tafsiran nilai adalah seperti yang berikut:

Kategori

<u>Sangat tinggi</u>	<u>Tinggi</u>	<u>Sederhana</u>	<u>Rendah</u>	<u>Sangat Rendah</u>
> 22	21-17	16-8	7-3	< 3

Tafsiran

Sangat Tinggi

Anda suka ramai kawan, suka mempelajari ilmu pengetahuan, progresif, kurang suka nilai-nilai tradisional, berani tampil ke muka, dan sedia memimpin. Beberapa orang kawan anda (terutama yang iri hati dengan anda) menganggap anda bercita-cita tinggi dan tidak mahu mengalah. Anda jarang bersedih.

Tinggi

Anda menampilkkan personaliti yang baik, ramai kawan, tidak takut tampil ke hadapan dan memimpin dengan demokratik. Musuh-musuh anda menganggap anda mahu menang sendiri dan tidak mahu kalah. Sahabat anda memandang anda sebagai seorang yang periang, suka bergaul, berani dan berjaya.

Sederhana

Personaliti anda kelihatan kompleks. Ada kala anda ingin bergaul, tetapi semacam ada banyak rintangan. Anda terlalu memikirkan hal orang lain sehingga anda ragu-ragu untuk bertindak. Anda pemalu, kalau terpaksa baru mahu maju. Anda perlu dorongan yang kuat untuk keluar daripada kepompong anda. Musuh-musuh anda mengata anda ini seorang yang dingin, kaku, malas dan sombong. Rakan-rakan pula melihat anda sebagai seorang yang periang, sopan tetapi kadang-kadang serius.

Rendah

Anda tidak mempunyai keberanian untuk bergaul, pemalu dan penakut. Anda tidak percaya pada diri sendiri, cenderung konservatif dan birokratik. Anda malas bergaul, malas belajar, memilih teman hanya yang sesuai dengan anda baru mahu bergaul. Anda suka menyendiri dan selalu nerasan kecewa

Sangat Rendah

Kawan dan musuh anda sependapat bahawa anda seorang yang pemalu, pendiam, malas, dan penakut. Malah anda ini konservatif dan penurut. Anda sering kecewa kerana jarang mendapat promosi. Orang yang rendah daripada anda lebih cepat naik pangkat. Anda marah-marah pada diri sendiri dan keluarga tanpa berani menuntut hak. Orang melihat anda sebagai jenis yang sukar diajak bergaul. Anda rendah diri kerana merasa pengetahuan anda kurang. Anda malas untuk merubah personaliti anda.

Bahagian B: Bertanggungjawab

Bahagian ini mengandungi 32 item. Sampel dikehendaki menanda simbol + atau – dalam ruangan jawapan, bergantung pada kandungan item. Setelah menjawab 32 item, jawapan disesuaikan dengan kunci yang berikut:

- (+).1. (+).2. (-).3. (-).4. (-).5. (-).6.
- (+).7. (-).8. (+).9. (-).10. (+).11. (-).12.
- (+).13. (-).14. (+).15. (+).16. (+).17. (-).18.
- (-).19. (-).20. (+).21. (+).22. (-).23. (-).24.
- (-).25. (+).26. (-).27. (-).28. (-).29. (+).30.
- (-).31. (+).32.

Nilai 1 (satu) diberi untuk jawapan yang betul, dan nilai 0 (sifar) untuk jawapan yang tidak betul. Kategori dan tafsiran nilai adalah seperti yang berikut:

Kategori

<u>Sangat tinggi</u>	<u>Tinggi</u>	<u>Sederhana</u>	<u>Rendah</u>	<u>Sangat Rendah</u>
> 29	28-21	20-15	14-8	< 8

Tafsiran

Sangat tinggi

Anda orang yang sangat bertanggungjawab sehingga kadang-kadang beban orang lain anda pikul juga. Anda berdisiplin tinggi tapi mengarah pada suatu gangguan yang dinamakan obsesi. Segala sesuatu ingin anda kerjakan dengan sempurna. Anda terlalu serius menilai semua persoalan. Segala peraturan anda patuhi tanpa banyak soal. Pada umumnya, anda orang yang dapat dipercaya tapi perlu anda ketahui bahawa dengan personaliti seperti ini, walaupun anda selalu diikutkan dalam organisasi, anda hanya sebagai pembantu umum. Orang mengambil kesempatan pada diri anda, bukan sebagai pemimpin tetapi sebagai pekerja keras. Anda tidak sedar bahawa orang menggunakan anda untuk kepentingan peribadi mereka.

Tinggi

Semangat kerja anda cukup besar. Kemahiran untuk bertanggungjawab ada. Setiap tugas yang diberikan akan cuba dilaksanakan dengan baik. Namun anda

biasanya tidak mahu mencari-cari kerja yang bukan tugas anda. Peraturan yang sesuai dengan anda akan anda ikuti, sebaliknya yang tidak sesuai anda cuba hindari. Bila ada perjanjian yang menguntungkan, anda pasti laksanakan, yang kurang menguntungkan bukan pilihan anda. Kadang-kadang anda ragu-ragu untuk menerima tugas sosial yang merugikan secara material dan moral.

Sederhana

Bagi anda, tanggungjawab adalah sesuatu yang berguna bagi kepentingan anda. Disiplin bererti orang harus menurut tugas-tugas yang diberi, tetapi tidak bererti harus menurut peraturan. Tugas yang mudah anda akan terima tetapi pelaksanaannya lambat. Anda bekerja sesuai dengan kemampuan anda dan tidak merasa perlu bekerja keras. Anda selalu berangan-angan menjadi pemimpin, bukan kerana merasa bertanggungjawab terhadap misi organisasi tetapi kerana keuntungan moral dan material.

TEORI KAJIAN

Gambaran emosi dan personaliti ekstrovert dan introvert sebagaimana yang diutarakan dalam definisi operasional dipadankan daripada teori Jung (1967). Carl Gustav Jung ialah tokoh psikoanalisis dan pencetus idea ketidaksedaran kolektif. Jung menamakan sistem psikologinya sebagai ‘Psikologi analitik’.

Pandangan Jung terhadap Libido

Jung berpendapat libido dapat dijelaskan pada satu-satu masa bergantung pada kepentingan individu. Sebagai contoh, semasa fasa praseksual (umur 3-5 tahun), tenaga libido datang daripada pemakanan dan pertumbuhan individu. Jung mengatakan terdapat penggabungan perasaan libido dengan kecenderungan pertahanan hidup, seperti makanan dan kelangsungan hidup anak yang diperlihatkan pada ibunya. Perasaan libido dikatakan faktor penyumbang, bukan faktor yang utama.

Pandangan Jung tentang Minda

Jung menggunakan roh atau jiwa (*psyche*) untuk merujuk tiga tahap fikiran, iaitu Kesedaran (*Conscious*), Ketidaksesedaran personal (*Personal unconscious*), dan Ketidaksesedaran kolektif (*Collective unconscious*). Terlalu banyak hal penting yang diletakkan pada alam fikiran sedar. Ketidaksesedaran merupakan bahagian yang paling penting dalam alam fikiran, dan Jung membahaginya ke dalam dua bahagian, iaitu Ketidaksesedaran Personal (dimiliki oleh setiap individu, berisi impuls dan harapan) dan pengalaman personal. Ketidaksesedaran Kolektif merupakan bahagian yang paling besar daripada ketidaksesedaran yang menjadi hipotesis terpenting Jung. Menurut Jung lagi, ada bahagian asas ketidaksesedaran yang tersembunyi dalam alam fikiran manusia. Bahagian asas ketidaksesedaran ini

penuh dengan idea dan pengalaman, dan boleh diapungkan ke peringkat sedar pada masa-masa tertentu.

Empat Archetype Jung

Archetypes ialah kata nama yang menerangkan sesuatu yang asli (dalam bentuk asli). Jung memperkenalkan ketidaksedaran kolektif sebagai pembentuk kecenderungan pewarisan, dinamakan *archetypes*, yang menentukan cara manusia berperilaku. *Archetypes* ialah pengalaman yang dapat dilihat menerusi pernyataan emosi dan gambaran minda manusia. Jung dalam kajianya tentang budaya dan cara manusia berfikir telah menemui empat *archetype* utama yang berikut:

Persona

Persona merupakan tirai yang menyembunyikan personaliti sebenar seseorang. Individu menggunakan persona untuk tampil berbeza terhadap orang-orang tertentu dan situasi sosial yang mendambakan interaksi yang lebih baik. Persona menyebabkan keperibadian sebenar seseorang terselindung.

Anima dan Animus

Anima dan *Animus* merupakan sifat gender yang ada pada manusia. *Anima* bererti sifat wanita (feminin) yang ada pada lelaki. *Animus* bererti sifat lelaki (maskulin) yang ada pada perempuan.

Shadow

Shadow merupakan bahagian keperibadian manusia yang kebinatangan. Inilah yang memberikan aspek tidak bermoral kepada manusia. Jung mengatakan manusia berperilaku kurang sopan kerana manusia memiliki *shadow personality*.

Intro/Extrovert

Hipotesis Jung yang paling popular ialah pembahagian sifat manusia kepada introvert dan ekstrovert.

i. *Introvert*

Bahagian libido yang mengatur ke dalam diri (*Inwards*). Dengan bahagian ini, individu lebih memiliki keinginan untuk berusaha, berintrospeksi dan memiliki ketahanan terhadap pengaruh luar. Introvert kurang keyakinan diri ketika berhubung dengan dunia luar dan cenderung menjadi malu atau anti-sosial.

ii. *Extrovert*

Libido yang mengatur keluar dari diri manusia (*outwards*), kejadian dan situasi tertentu. Individu jenis ini memiliki pengaruh yang sangat kuat ke atas lingkungannya, sangat bersifat sosial dan memiliki kepercayaan diri yang baik dalam kebanyakan situasi.

Jung percaya kedua-dua sifat tersebut (introvert dan ekstrovert) ada dalam diri manusia. Tidak mungkin kita menemui seseorang yang introvert penuh atau ekstrovert penuh. Faktor-faktor luaran cenderung memiliki pengaruh yang besar pada sifat dominan yang terserlah dan seberapa besar sifat keperibadian mendominasi seseorang. Sebagai contoh, A yang secara normal pemalu boleh berubah menjadi ekstrovert dalam situasi ketika A merasa benar-benar tertarik terhadap sesuatu serta merasa selamat.

DAPATAN KAJIAN

Dapatkan Kajian 1

Selepas menganalisis data kajian, penulis mendapati bahawa staf Melayu dalam organisasi kecil yang dikaji lebih ramai ekstrovert daripada yang introvert, iaitu 83% ekstrovert dan 17% introvert. Ekstrovert pula terbahagi kepada dua kategori, iaitu tinggi 12% dan sederhana 71%. Introvert juga terbahagi kepada dua kategori, iaitu sangat rendah 5% dan rendah 12%.

Gambaran emosi bagi ekstrovert tinggi ialah mempunyai personaliti yang baik, kawan ramai, tidak takut tampil ke hadapan dan memimpin dengan cara demokrasi. Musuh menyebut staf ini mahu menang sendiri dan tidak mahu kalah. Kawan menyebut staf ini periang, suka bergaul, berani dan berjaya.

Personaliti ekstrovert sederhana dikatakan mempunyai sifat yang kompleks. Di satu pihak ada keinginan bergaul, di pihak lain banyak pula rintangan yang mendatang. Staf ini terlalu memikirkan orang lain sehingga ragu-ragu untuk bertindak. Staf ini pemalu, kalau terpaksa baru mahu maju serta perlu dorongan yang kuat untuk memajukan diri. Musuh menyebut staf ini dingin, kaku, malas dan sompong. Kawan menyebut staf ini periang dan sopan.

Introvert rendah tidak mempunyai keberanian untuk bergaul, pemalu, dan penakut. Tidak percaya pada diri sendiri. Cenderung konservatif dan birokrasi. Malas bergaul dan malas belajar, memilih teman hanya yang sesuai dengannya, baru mahu bergaul. Suka menyendiri dan selalu kecewa.

Gambaran emosi bagi introvert sangat rendah ialah kawan dan musuh sependapat staf ini pemalu, pendiam, malas, dan penakut. Konservatif dan penurut. Staf ini selalu kecewa kerana jarang mendapat promosi. Orang yang lebih rendah jawatan daripadanya lebih cepat naik pangkat. Staf ini marah-marah pada diri sendiri dan keluarga tanpa berani menuntut hak. Orang lain melihat staf ini sebagai jenis yang sukar diajak bergaul. Staf ini rendah diri kerana merasa pengetahuannya kurang dan malas untuk merubah personalitinya.

Dapatan Kajian 2

Analisis terhadap data kajian menunjukkan bahawa personaliti ekstrovert dan introvert mempunyai kategori tanggungjawab yang berlainan. Ekstrovert tinggi (12%) termasuk dalam kategori bertanggungjawab tinggi, yang bermaksud semangat kerja mereka cukup besar kerana ada kemauhan untuk bertanggungjawab. Setiap tugas yang diberi cuba dilaksanakan dengan baik. Namun staf ini biasanya tidak mahu mencari-cari kerja yang bukan tugasnya. Peraturan yang sesuai dengannya diikut, yang tidak sesuai dihindari. Hanya perjanjian yang menguntungkan akan diutamakan. Kadang-kadang staf ini keberatan untuk menerima tugas sosial yang difikir merugikan secara material dan moral.

Ekstrovert sederhana terdiri daripada kategori bertanggungjawab sangat tinggi (5%), tinggi (61%), dan sederhana (5%). Tafsiran tentang bertanggungjawab tinggi telah pun dijelaskan oleh penulis. Bertanggungjawab sangat tinggi pula bermaksud staf ini ialah orang yang terlalu bertanggungjawab, sehingga kadang-kadang beban orang lain dipikul juga. Staf ini berdisiplin tinggi tetapi mengarah pada suatu gangguan yang dinamakan obsesi. Segala sesuatu ingin dikerjakan dengan sempurna. Staf ini terlalu serius menilai semua persoalan. Segala peraturan dipatuhi tanpa soal. Pada umumnya, staf ini boleh dipercayai. Dengan personaliti seperti ini, staf ini selalu ikut serta dalam misi organisasi sebagai pembantu umum. Orang mengambil kesempatan pada dirinya, bukan sebagai pemimpin tetapi sebagai pekerja keras. Staf ini tidak sedar bahawa orang menggunakannya untuk kepentingan peribadi mereka.

Bertanggungjawab sederhana bermaksud tanggungjawab menurut staf ini adalah sesuatu yang berguna bagi kepentingan diri. Disiplin bererti orang harus menerima tugas yang diberi tetapi tidak mesti mengikut peraturan. Tugas-tugas yang mudah diterima tetapi pelaksanaannya lambat. Staf ini bekerja sesuai dengan kemampuannya dan tidak merasa perlu bekerja keras. Staf ini selalu memimpikan menjadi pemimpin, bukan kerana staf ini merasa bertanggungjawab terhadap misi suatu organisasi tapi kerana merasakan ada keuntungan moral dan material menjadi pemimpin organisasi.

Personaliti introvert juga mempunyai kategori tanggungjawab yang berlainan. Introvert kategori rendah (12%) jelas bertanggungjawab tinggi, yang tafsirannya sama dengan ekstrovert tinggi. Introvert kategori sangat rendah (5%) jelas bertanggungjawab sederhana, yang tafsirannya sama dengan ekstrovert sederhana.

KESIMPULAN

Kajian ini dapat membuktikan bahawa gambaran emosi staf Melayu dalam organisasi yang dikaji lebih memihak kepada ekstrovert. Staf jenis ini senang

bergaul, tidak merasa kaku untuk berbicara di hadapan orang ramai serta yakin pada diri sendiri. Menurut Kreber (1998), keupayaan untuk berfikir secara kritis dan kesanggupan untuk melibatkan diri dalam pembelajaran kendiri dianggap prasyarat penting untuk pendidikan sepanjang hayat. Kebanyakan penyelidikan ke atas pembelajaran kendiri dan pemikiran kritikal telah mengabaikan perbezaan individu dalam kalangan pelajar. Hasil penelitian Kreber menunjukkan bahwa personaliti ekstrovert lebih cenderung untuk terlibat dalam pembelajaran kendiri (*self-directed learning*). Pada masa yang sama, pembelajaran kendiri dapat mencetuskan keupayaan pemikiran kritikal.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kategori personaliti tidak berkorelasi signifikan dengan kategori tanggungjawab. Hal ini bermakna, staf yang introvert (individu yang lebih suka menyendiri, tidak suka berbicara di hadapan khalayak, pemalu, dan pendiam) tidak semestinya bertanggungjawab rendah atau sangat rendah. Malahan dapatan kajian menunjukkan introvert bertanggungjawab sama ada tinggi atau sederhana. Dapatan kajian oleh Rettner (2010) menjelaskan mengapa introvert suka menyendiri. Muka manusia memberi makna yang lebih bagi individu ekstrovert daripada introvert yang lebih pendiam. Hal ini kerana otak ekstrovert memberi perhatian yang lebih kepada muka manusia daripada Introvert. Otak Introvert tidak membezakan antara objek-objek tidak bernyawa dengan muka manusia.

Pasangan introvert dan ekstrovert hidup lebih bahagia daripada yang mempunyai personaliti yang sama. Walaupun terdapat masalah-masalah kecil yang tidak dapat dielakkan dalam hubungan ini, mengetahui perbezaan antara introvert dan ekstrovert boleh membantu dalam menentukan hala tuju sesuatu hubungan (Abhijit Naik, 2010).

Dari segi kepimpinan, Nobel (2012) berpendapat introvert atau ekstrovert boleh berjaya atau tidak berkesan, bergantung pada kumpulan-kumpulan pekerja yang berlainan. Pemimpin jenis ekstrovert sebenarnya boleh menjadi beban bagi prestasi syarikatnya jika staf di bawah kendaliannya juga ekstrovert. Secara ringkas, idea-idea baru tidak boleh berkembang menjadi projek-projek yang menguntungkan jika semua orang di dalam bilik menyumbangkan idea-idea dan pemimpin sibuk mendengar atau bertindak ke atas mereka. Di sisi lain, pemimpin yang introvert lebih suka mendengar dan memproses idea daripada pasukan ekstrovert yang proaktif.

RUJUKAN

- Abhijit Naik. 2010. Published: 4/22/2010Introvert vs Extrovert <http://www.buzzle.com> 28.7.2011
- Fleeson. December 2002. “You can fake your way into being happy”, *Journal of Personality and Social Psychology*, 61-67.
- H. Yul Iskandar. 1999. *Test personaliti*. Jakarta Selatan: Yayasan Dharma Graha.
- Izard, Carroll E. 1994. “Four systems for emotion activation: Cognitive and noncognitive processes. *Psychological Review*, 100, 68-90.
- Jung, Carl. 1967. *Collected works*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Kreber, Carolin. 1998. “The Relationships between self-directed learning, critical thinking, and psychological type, and some implications for teaching in higher education”. *Studies in Higher Education*, 23(1), 71-86.
- Levenson, Robert W. 1992. “Autonomic nervous systems differences among emotions”. *Psychological Science*, 3, 23-27.
- Nobel, Carmen. 2010. *Introverts: The best leaders for proactive employees*. Harvard Business School: Working Knowledge.
- Rettner, Rachael. 2010. <http://www.livescience.com/8500-brains-introverts-reveal-refer.html>. Brains of Introverts Reveal Why They Prefer Being Alone. In Live Science.
- Schachter, Stanley & Singer, Jerome E. 1962. “Cognitive, social, and physiological determinants of emotional state.” *Psychological Review*, 69, 379-399.
- Weiner, Bernard. 1986. *An attributional theory of motivation and emotion*. New York: Springer-Verlag.

Profil Penulis

Noor Aina Dani
Profesor Madya
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
drnadi@fbmk.upm.edu.my